

Al-Qur’ān al-Karīm Pusat Kebudayaan Dunia

Untuk Mencipta Masyarakat dan Negara Bahagia

“Sejarah kehidupan umat Islam, semenjak zaman Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* hingga enam kurun kemudiannya, telah dapat menunjukkan corak masyarakat dan negara bahagia itu, serta dapat pula dijadikan contoh utama di atas muka bumi ini. Dengan menanamkan rasa takwa itu, kaum Muslimin telah dapat menciptakan masyarakat dan negara menurut erti kata yang sebenar-benarnya. Tidak ada yang berdaulat di tengah-tengah masyarakat mereka kecuali hukum Allah *‘azza wa jalla.*”

(oleh: al-Ustādh Abdul Rahman Ya’kub)

Pada ghalibnya tidak seorang manusia pun yang tidak menyetujui hidup dalam negara bahagia dan makmur. Kita dapat mengetahui semenjak dahulu kala dalam perjalanan sejarah bangsa-bangsa. Lahir orang-orang yang memelopori bangsa-bangsa itu, yang tujuannya untuk mencipta masyarakat dan negara bahagia serta penuh dengan kemakmuran.

Di antaranya ada yang berkeyakinan, bahawa untuk mencapai cita-cita yang demikian suci dan tingginya, mestilah berimankan akal semata-mata. Yang berdaulat di tengah-tengah masyarakat hanyalah pendapat akal serta ketinggian ilmu manusia yang dapat menghitam-putihkan masyarakat. Bentuk masyarakat dan negara diserahkan kepada kemahuan otak manusia.

Manakala sebahagian yang lainnya ada pula yang berimankan “kekuasaan dan kekuatan”. Kekuasaan dan kekuatan menjadi rebutan. Persenjataan dan kekayaan diperengkap.

Akan tetapi ternyata sampai-sampai kepada dewasa ini, bahawa kedua-dua pendapat itu dalam amalannya belum dapat membuktikan cita-cita masyarakat dan negara bahagia itu. Kedua-dua pendapat itu tidak mempunyai kesanggupan untuk mengatasi kesulitan-kesulitan dan pelbagai macam kepincangan. Gelora nafsu manusia tidak dapat dibendung, sehingga otak dan kepandaian manusia dijadikan alat membinasakan manusia sendiri.

Dengan perjalanan sejarah yang demikian rupa, terbuktiilah “kata tegas” dari firman Allah Ta’ālā. (maksudnya):

“Tidaklah Aku berikan ilmu itu kepada kamu melainkan hanya sedikit jua.”

Lebih lanjut Allah *subhānahu wa ta’ālā* berfirman (maksudnya):

“Tidaklah engkau perhatikan – wahai Muḥammad – betapa Tuhanmu telah berbuat terhadap kaum ‘Ād, kaum

Iram¹ yang gagah, tidak pernah dijadikan sebagai mereka di negeri-negeri mana pun. Dan kaum Thamūd yang memotong batu-batu di kaki gunung untuk dibuat tempat kediaman. Dan Firaun yang mempunyai tentera yang banyak lagi teratur. Mereka kesemuanya membinasakan dengan melakukan kezaliman dan aniaya. Sebab itu mereka ditimpakan oleh Tuhanmu dengan pecutan cemeti azab. Sesungguhnya Tuhanmu sentiasa menjadi Pengawas”.

Untuk mewujudkan masyarakat dan negara bahagia dalam erti kata yang sebenarnya itu, Allah *subhānahu wa ta‘ālā*, telah menurunkan (atau menuzūlkan) *al-Qur’ān al-Karīm*. Di dalamnya terkandung ajaran yang memimpin dan memberi petunjuk² betapa semestinya hubungan manusia dengan Tuhannya, demikian pula hubungan manusia sesama

sendiri. Baik yang mengenai politik (pemerintahan), ekonomi, pergaulan dan sebagainya.

Semuanya merupakan kebijaksanaan Allah ‘azza wa jalla yang dapat menjamin terciptanya masyarakat dan negara bahagia itu. *Al-Qur’ān al-Karīm* ialah pertunjuk³ Allah ‘azza wa jalla kepada manusia supaya mereka mewujudkan keselamatan dan kebahagiaan mereka dalam hidup di dunia dan di akhirat kelak. Akan tetapi walaupun demikian, dengan secara tegas Tuhan menyatakan dalam firman-Nya bahawa *al-Qur’ān* itu dapat dijadikan pertunjuk⁴ hanyalah bagi orang-orang yang telah mencapai darjat “takwa”, iaitu sifat yang tumbuh sesudah beriman kepada Allah ‘azza wa jalla. Oleh sebab itu, sifat takwa yang tersebut itulah yang menjadi pedoman yang utama sekali untuk memimpin manusia melalui

Bismi Allāh al-rahīmān al-rahīm

Innā anzalnāhu fī laylati al-qadri

Wa mā adrāka mā laylatu al-qadri

Laylatu al-qadri khayrun min alfi shahrin

Tanazzalu al-malāikatu wa al-rūḥu fihā bi idhni rabbihim min kulli amrin salāmum hiya ḥatta maṭla‘i al-fajr

“Dengan nama Allāh yang amat pemurah lagi amat mengasihani.

“Sesungguhnya kami telah turunkan dia (*al-Qur’ān*) pada malam Laylat al-Qadr. Dan apakah yang engkau ketahui tentang Laylat al-Qadr itu? Laylat al-Qadr itu lebih utama daripada seribu bulan. Malaikat-malaikat dan roh (iaitu Jibrīl turun padanya dengan izin Tuhan mereka (membawa hukum) dari tiap-tiap perintah. Sejahteralah dia hingga terbit fajar.

¹ Kota kediaman kaum ‘Ād.

² petunjuk

³ petunjuk

⁴ petunjuk

khuffah (garisan) yang telah ditentukan oleh Allah untuk menciptakan kehidupan yang berbahagia menurut erti kata yang sebenar-benarnya.

Sejarah kehidupan kaum Muslimin, semenjak zaman Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* hingga enam kurun kemudiannya, telah dapat menunjukkan corak masyarakat dan negara bahagia itu, serta dapat pula dijadikan contoh utama di atas muka bumi ini. Dengan menanamkan rasa takwa itu, kaum Muslimin telah dapat menciptakan masyarakat dan negara menurut erti kata yang sebenar-benarnya. Tidak ada yang berdaulat di tengah-tengah masyarakat mereka kecuali hukum Allah *‘azza wa jalla*. Ketaatan mereka menggambarkan suatu masyarakat yang anggotanya masing-masing sentiasa menyembah Allah *subhānahu wa ta‘ālā*. Kemudian di dalam mengatur segala macam kepentingan yang mengenai perhubungan di antara sesama manusia, tidak mereka yang lebihutamakan selain daripada peraturan-peraturan yang tersebut dalam kitab suci *al-Qur’ān* dan sunnah Rasul. Kerana mereka telah yakin bahawa tidak ada seorang jua pun di antara manusia, bahkan seluruh makhluk ini yang dapat mengatasi kebijaksanaan Allah dan Rasul-Nya di dalam mengatur keselamatan hidup manusia bermasyarakat.

Dalam masyarakat yang bertakwa dan mentaati pertunjuk-pertunjuk⁴ wahyu Ilahi ini telah timbul kerajinan sehingga tidak ada waktu yang terbuang dengan sia-sia. Kerja-karya yang berguna yang mereka lakukan baik yang berupa bakti kepada Tuhan atau pun yang dilakukan untuk memenuhi kepentingan hidup diri dan keluarga serta tidak pula melupakan usaha untuk kepentingan masyarakat bersama. Dengan demikian lahirlah dalam kalangan mereka hidup dalam persaudaraan yang hakiki, penuh dengan semangat demokrasi yang ditujukan untuk selamat menyelamatkan, bahagia-membahagiakan dalam masyarakat bersama, baik mengenai

kehidupan zahir demikian pula yang mengenai kehidupan batin.

Persaudaraan yang demikian itu mereka lakukan tidak lain ialah kerana menjunjung keredhaan Ilahi, persaudaraan yang lebih erat daripada persaudaraan daging darah. Masing-masing bertanggungjawab sesama saudaranya sesuai dengan sabda Nabī yang bermaksud:

“Bandingan orang yang beriman tentang cinta-mencintai, Kasih-mengasihi, atau sayang-menyayangi di antara mereka sesama sendiri, tidak ubahnya seperti satu tubuh, yang apabila salah satu anggotanya merasa sakit, maka turutlah seluruh anggota yang lainnya merasakan sakitnya itu sehingga tidak dapat tidur dan naik demam.”

Dalam masyarakat yang bersifat takwa ini lahirlah pemimpin dan penganjur yang memang dipilih oleh rakyat dan pilihan itu jatuh kepadanya ialah kerana memandangkan imannya dan pembelaannya akan agama Allah. Sesuai dengan maksud ayat suci:

“Hai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menjadikan bapa-bapa dan saudara-saudara kamu sebagai pemimpin jikalau mereka lebih sukakan kufur daripada iman. Barangsiapa di antara kamu yang mengangkat mereka menjadi pemimpin, mereka itulah orang-orang yang menganiayai diri sendiri.”

Oleh sebab itu usaha untuk menciptakan masyarakat dan negara bahagia itu menurut erti kata yang sebenar-benarnya, tidaklah dapat diwujudkan hanya dengan pendapat akal manusia semata-mata, atau dengan kekuasaan dan kekuatan yang ada di tangan mereka. Masyarakat dan negara bahagia dapat diciptakan oleh umat manusia yang mentaati dan melalui garisan yang telah ditentukan oleh Allah *‘azza wa jalla*, bersesuaian dengan firman Allah dan sabda Rasul-Nya.

⁴ petunjuk-petunjuk